

CNS3931

U GB 13-07 00164 BH363

aab

(Ulangan membetulkan intro...dan Albania, bukan republik Tirana)

Mahathir-Suruhanjaya

MALAYSTA DAN ALBANTA TUBUH SURUHANJAYA BERSAMA

Daripada Zainoor Sulaiman

TIRANA, 13 Julai (Bernama) -- Malaysia dan Albania bersetuju menubuhkan Suruhanjaya Bersama untuk merangka dan menyusun rancangan bagi meningkatkan hubungan dan kerjasama ekonomi dua hala.

Persetujuan itu dicapai hasil rundingan di antara Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Presiden Sali Berisha serta Perdana Menteri Albania Aleksander Meksi.

Kedua-dua negara bersetuju menandatangani bebarapa perjanjian bagi memantapkan lagi kerjasama meliputi ekonomi, perdagangan dan pelaburan, kata Dr Mahathir pada persidangan akhbar bersama dengan Meksi di akhir lawatannya selama tiga hari ke sini hari ini.

Perjanjian itu termasuk Perjanjian Jaminan Pelaburan, Perjanjian Cukai Berganda, Perjanjian Bayaran Dua Hala antara Bank Negara Malaysia dan Bank Pusat Albania dan Perjanjian Perjanjian Program Bantuan Teknikal.

Dr Mahathir berkata Malaysia bersedia berkongsi pengalaman dan kepakarannya untuk membantu Albania menyesuaikan diri dan berkembang mengikut dasar ekonomi terbuka. -- Lagi

♥13/07/21-44MST

CNS3922

U GB 13-07 00112 BH361

aab

Mahathir-Suruhanjaya 2 Tirana

Meksi berkata Albania ingin belajar dan bekerjasama dengan Malaysia dalam membangunkan ekonominya mengikut sistem pasaran terbuka.

Katanya rundingan yang berlangsung dalam suasana muhibbah dan persahabatan telah menghasilkan kerjasama yang konkrit yang akan dilaksanakan untuk faedah bersama.

Dr Mahathir berkata walaupun Malaysia dan Albania menjalin hubungan diplomatik 12 tahun lepas, inilah kali pertama kedua-dua negara bertukar-tukar lawatan bagi meningkatkan kerjasama dua hala.

Katanya beberapa bidang telahpun dikenal pasti untuk disertai usahawan Malaysia dalam pembangunan ekonomi Albania.

Kerajaan akan menggalakkan sektor swasta Malaysia menghantar rombongannya ke sini untuk meninjau prospek pelaburan secara usahasama dengan usahawan tempatan. -- Lagi

♥13/07/21-29MST

CNS3923

U GB 13-07 00153 BH362

aab

Mahathir-Suruhanjaya 3 (Akhir) Tirana

Pada masa ini sebuah syarikat perkapalan di Pulau Pinang telahpun berada di sini untuk menjalin kerjasama.

Penang Shipbuilding Sdn Berhad dijangka menandatangani Memorandum Persefahaman esok untuk membina enam buah kapal bernilai RM100 juta serta membangun sebuah kawasan dekat pelabuhan sebagai Kawasan Dagangan Eksport.

Syarikat itu juga bercadang membina kilang tekstil dan bahan makanan dengan bahan mentah dibawa masuk dari Malaysia untuk diproses di sini.

Albania telah mengenal pasti 500 industri kecil milik negara yang akan diswastakan dan mempelawa para usahawan Malaysia mengambil bahagian dalam program penswastaannya.

Dr Mahathir berkata dalam usaha untuk meningkatkan kerjasama dua hala, Albania akan membuka pejabat perwakilannya di Kuala Lumpur tidak lama lagi.

Inilah pejabat kedutaan kedua Albania di Asia selepas Beijing.

Dr Mahathir berkata Presiden Berisha dan Meksi telah menerima undangannya untuk melawat Malaysia. -- Bernama

ZA MAT

12/07/91-20MEM